

# **MEMORANDUM PERSEFAHAMAN**

**ANTARA**



**SEKOLAH TINGGI AGAMA ISLAM BUMI SILAMPARI LUBUKLINGGAU  
KOTA LUBUKLINGGAU PROVINSI SUMATERA SELATAN INDONESIA**

Nombor : 094/1.a/STAI-BS/IX/2024

**DENGAN**



**كلية السلطان اسماعيل الجامعية الإسلامية العالمية**

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ISMAIL PETRA (KIAS)**  
KOTA BHARU, KELANTAN DARUL NAIM, MALAYSIA

**BERHUBUNG**

**PROGRAM  
PENDIDIKAN, PENYELIDIKAN, KHIDMAT MASYARAKAT DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN**

## **MEMORANDUM PERSEFAHAMAN**

Memorandum Persefahaman (selepas ini dirujuk sebagai "MOU") ini dibuat pada 11 September 2024 bersamaan 07 Rabiulawal 1446H bertempat di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.

### **ANTARA**

**SEKOLAH TINGGI AGAMA ISLAM BUMI SILAMPARI LUBUKLINGGAU**, (selepas ini dirujuk sebagai "STAI BUMI SILAMPARI") sebuah perguruan tinggi swasta, yang beralamat di Jalan Sultan Mahmud Badarudin II KM. 7 Kode Pos 31626 Kelurahan Moneng Sepati Kecamatan Lubuklinggau Selatan II Kota Lubuklinggau Provinsi Sumatera Selatan, Indonesia.

### **DAN**

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ISMAIL PETRA**, (selepas ini dirujuk sebagai "KIAS") sebuah institut pengajian tinggi swasta yang dikendalikan oleh KIAS Darulnaim Sendirian Berhad (KDSB) yakni sebuah anak syarikat Akademi Yakin Sendirian Berhad (AYSB) yang beralamat di KM 12, Jalan Kuala Krai, Peti Surat 68, Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

(STAI BUMI SILAMPARI dan KIAS secara individu akan dirujuk sebagai "Pihak" atau secara kolektif sebagai Pihak-Pihak.)

### **BAHAWASANYA:**

- (A) STAI BUMI SILAMPARI merupakan Perguruan Tinggi Swasta badan hukum yang menyelenggara pendidikan tinggi dan bergerak dalam bidang pendidikan, penelitian dan pengabdian kepada masyarakat.
- (B) Penubuhan KIAS adalah kesinambungan daripada Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) Nilam Puri ditubuhkan pada tahun 1965 yang telah melahirkan ramai ulama' dan umara' dan terus berkembang sehingga kini telah mendapat penarafan sebagai Kolej Universiti daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan nombor pendaftaran DKU405(D).
- (C) Pihak-Pihak dengan itu berhasrat untuk menandatangani MOU ini tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung selepas ini.

## **KLAUSA 1**

### **MAKSUD DAN TUJUAN**

Pihak-Pihak dengan ini mencapai persefahaman dan berhasrat agar, peningkatan dan kemajuan pendidikan yang berteraskan Islam di Negeri Kelantan dapat ditambahbaik dan dicapai dengan bekerjasama melaksanakan program penajaan pendidikan berbentuk biasiswa dan/ atau dermasiswa oleh STAI BUMI SILAMPARI kepada pelajar-pelajar Sabah yang melanjutkan pelajaran di KIAS dan program kesinambungan bagi membolehkan pelajar lepasan KIAS untuk menyambung pelajaran ke universiti-universiti luar negara yang terpilih dengan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat penajaan oleh STAI BUMI SILAMPARI, undang-undang, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan dasar kerajaan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

## **KLAUSA 2**

### **BIDANG KERJASAMA**

2.1 Tertakluk kepada undang-undang, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah dan polisi-polisi yang berkuatkuasa dari masa ke semasa, skop kerjasama yang dipersetujui Pihak-Pihak di dalam MOU ini adalah termasuk dan tidak terhad kepada senarai kerjasama yang dilampirkan di Lampiran A (selepas ini dirujuk sebagai "Kerjasama Tersebut").

2.2 Pihak-Pihak bersetuju bahawa Kerjasama Tersebut di Lampiran A adalah tidak terhad dan boleh ditambah dari semasa ke semasa tertakluk kepada persetujuan pihak-pihak secara bertulis.

2.3 Pihak-Pihak bersetuju bahawa sekiranya Kerjasama Tersebut hendak dilaksanakan, butiran pelaksanaan setiap penajaan, hebaha, dokumen dan sebagainya yang berkenaan perlulah diperincikan dan dipersetujui.

## **KLAUSA 3**

### **TEMPOH DAN TARikh BERKUATKUASA**

Pihak-Pihak dengan ini bersetuju bahawa MOU ini akan berkuatkuasa bermula dari tarikh ianya ditandatangani dan akan terus berkuatkuasa selama tempoh lima (5) tahun kecuali dan apabila ianya ditamatkan secara sahnya seperti yang telah diperuntukkan di dalam MOU ini.

**KLAUSA 4  
KERAHSIAAN**

4.1 Pihak-Pihak hendaklah menyimpan, merahsiakan dan menahan daripada mendedahkan terma dan syarat MOU ini dan semua maklumat yang berkaitan dengannya kepada mana-mana pihak kecuali dengan persetujuan bertulis Pihak-Pihak.

4.2 Tertakluk kepada Klausus 4.1, Pihak-Pihak bersetuju agar peruntukan Klausus ini hendaklah mengikat Pihak-Pihak meskipun MOU ini ditamatkan.

**KLAUSA 5  
PERTIKAIAN**

Kedua-dua Pihak akan dengan usaha yang terbaik untuk menyelesaikan secara baik melalui perbincangan akan segala pertikaian, perbezaan dan persoalan yang mungkin timbul yang selaras dan berhubung dengan MOU ini dengan tertakluk kepada peruntukan di bawah Klausus 13 MOU ini.

**KLAUSA 6  
PENAMATAN**

6.1 MOU ini boleh ditamatkan oleh mana-mana Pihak dengan memberikan satu (1) bulan notis bertulis. Melainkan Pihak-Pihak bersetuju sebaliknya, sebarang aktiviti di bawah Kerjasama Tersebut yang sedang berlangsung pada masa penamatan akan diteruskan sehingga Kerjasama Tersebut tamat seperti yang telah dirancang.

6.2 MOU ini juga boleh ditamatkan apabila suatu Perjanjian rasmi ditandatangani oleh Pihak-Pihak susulan persetujuan lanjut kepada MOU ini.

**KLAUSA 7  
MENYERAH HAK**

Tiada Pihak boleh menyerah hak kesemua atau sebahagian dari MOU ini kepada pihak ketiga tanpa kebenaran bertulis oleh Pihak satu lagi.

## **KLAUSA 8**

### **PENGUBAHSUAIAN, PERUBAHAN DAN PINDAAN**

Sebarang pengubahsuaian, perubahan dan/atau pindaan terhadap MOU ini hendaklah dengan persetujuan bertulis kedua-dua Pihak.

KLAUSA 10  
NOTIS

- 10.1 Sebarang notis, kenyataan atau komunikasi di bawah MOU ini hendaklah dibuat secara bertulis dalam Bahasa Melayu dan disampaikan atau dihantar melalui pos berdaftar, emel atau transmisi faksimili kepada alamat (atau alamat lain yang diberikan notis oleh satu Pihak selaras dengan Klausus ini) seperti yang dinyatakan di Klausus 10.4.
  - 10.2 Melainkan dinyatakan sebaliknya di sini, komunikasi di bawah MOU ini dianggap sebagai diterima sekiranya dihantar kepada penerima di alamat atau alamat email atau nombor faksimili itu.
  - 10.3 Mana-mana Pihak boleh menukar alamat surat menyurat penerimaan notis, kenyataan atau komunikasi pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis pertukaran alamat tersebut itu kepada Phak yang lain selaras dengan peruntukan menurut Klausus ini.
  - 10.4 Maklumat untuk Pihak-Pihak adalah seperti berikut:

## **Untuk STAI BUMI SILAMPARI:**

Nama : Ketua  
Sekolah Tinggi Agama Islam Bumi Silampari Lubuklinggau  
Alamat : Jalan Sultan Mahmud Badarudin II KM. 7 Kode Pos 31626 Kelurahan  
Moneng Sepati Kecamatan Lubuklinggau Selatan II Kota Lubuklinggau  
Provinsi Sumatera Selatan I, Indonesia  
Telefon : 0733-451092 Faksimili :  
Emel : admin@staibsslq.ac.id

**Untuk KIAS:**

Nama : Rektor,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)  
Alamat : Peti Surat 68,  
KM 12, Jalan Kuala Krai, Nilam Puri, 15730 Kota Bharu, Kelantan.  
Telefon : 09-7129386/387 Faksimili : 09-7129444/6161  
Emel : admin@kias.edu.my

**KLAUSA 10**  
**TIADA HUBUNGAN AGENSI**

Tiada apa-apa yang terkandung di dalam MOU ini boleh ditafsirkan sebagai membentuk suatu perkongsian, usaha sama atau urusan perniagaan formal di antara Pihak-Pihak atau menjadikan satu Pihak sebagai agen kepada Pihak satu lagi.

**KLAUSA 11**  
**KESAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN**

MOU ini hanya bertujuan merekodkan niat Pihak-Pihak dan tidak menjadikannya atau dihasratkan untuk menjadikannya suatu tanggungjawab di bawah undang-undang dan tidak menyebabkan apa-apa proses perundangan timbul daripadanya dan tidak boleh dianggap sama ada secara tersurat atau tersirat sebagai menjadikan apa-apa tanggungjawab sebagai mengikat atau boleh dikuatkuasakan.

**KLAUSA 12**  
**MASA ADALAH INTIPATI**

Mana-mana masa, tarikh atau jangkamasa yang tersebut dalam mana-mana peruntukan adalah merupakan inipati kepada MOU ini.

**KLAUSA 13**  
**UNDANG-UNDANG DIGUNAPAKAI**

MOU ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia.

\*\*\*\*\*

*(Memorandum Persefahaman ini berakhir.)*

**PADA YANG MENYAKSIKAN DI ATAS**, pihak-pihak dalam perjanjian ini telah menurunkan tandatangan mereka pada hari ini dan tahun yang dinyatakan di atas.

Ditandatangani untuk dan bagi pihak

**SEKOLAH TINGGI AGAMA ISLAM  
BUMI SILAMPARI LUBUKLINGGAU**

Oleh :



**NGIMADUDIN, S.Ag., M.H.**  
NIDN.2108127201  
**KETUA**  
SEKOLAH TINGGI AGAMA ISLAM  
BUMI SILAMPARI LUBUKLINGGAU

Disaksikan oleh :

**DR. MUHAMMAD YUNUS, M.Pd.I**  
**WAKIL**  
SEKOLAH TINGGI AGAMA ISLAM  
BUMI SILAMPARI LUBUKLINGGAU

Ditandatangani untuk dan bagi pihak

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM  
ANTARABANGSA SULTAN ISMAIL  
PETRA (KIAS)**

Oleh :



**PROF. MADYA DR. HJ. MAZLAN BIN  
IBRAHIM**  
**REKTOR**  
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM  
ANTARABANGSA SULTAN ISMAIL  
PETRA (KIAS)

Disaksikan oleh :

**DR. NURUL AKMA BIN MOHAMED**  
TIMBALAN REKTOR (HAL EHWAL  
AKADEMIK DAN PENYELIDIKAN)  
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM  
ANTARABANGSA SULTAN ISMAIL  
PETRA (KIAS)

## **LAMPIRAN A**

### **SENARAI BIDANG KERJASAMA ANTARA STAI BUMI SILAMPARI DAN KIAS**

Bidang kerjasama PIHAK-PIHAK adalah seperti berikut:

1. Pendidikan atau pengajaran, penelitian dan khidmat masyarakat.
2. Pelaksanaan kolaborasi penyelidikan dan pembangunan sumber.
3. Penyelenggaraan kegiatan ilmiah, seminar dan bengkel.
4. Peningkatan dan pengembangan kompetensi sumber manusia.
5. Kegiatan lain yang disepakati oleh KEDUA BELAH PIHAK.